

22 AUG 2002

Sukan-Skuasy (Wanita)

OWENS MENGETUAI PEMAIAN DUNIA PADA KEJOHANAN SKUASY TERBUKA WANITA

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Pemain nombor dua dunia Carol Owens dari New Zealand akan mengetuai lapan pemain yang berupa 20 pemain terbaik dunia pada Kejohanan Skuasy Terbuka Wanita Malaysia 2002 di sini minggu depan.

Owen, 31, yang sering mengambil bahagian dalam kejohanan itu sejak 1991, telah diberikan kedudukan paling atas pada kejohanan yang menawarkan hadiah RM76,000, yang diadakan semula selepas lima tahun.

Pertandingan itu akan dilangsungkan di Pusat Skuasy Majlis Sukan Negara di Jalan Duta mulai 26 hingga 31 Ogos.

Pemain nombor tujuh dunia Vanessa Atkinson dari Belanda pula dipilih sebagai pemain pilihan kedua.

Dua pemain bekas juara dunia bahagian junior, Tania Bailey dari England dan Rachael Grinham dari Australia, masing-masing dipilih pemain pilihan ketiga dan keempat.

Bagaimanapun, juara junior dunia dua kali Nicol David dari Malaysia tidak mengambil bahagian dalam kejohanan kali ekoran mengalami sakit belakang semasa Sukan Komanwel di Manchester baru-baru ini.

Owens kali akhir bertarung di sini apabila menewaskan Nicol dalam perlawanan akhir kejohanan Terbuka YTL dua tahun lalu. Juara Terbuka Dunia 2000 itu turut merangkul dua lagi gelaran yang berlangsung di Jalan Duta iaitu Kuala Lumpur Terbuka dan YTL Terbuka, kedua-duanya pada 1999.

Pada Terbuka Malaysia, beliau mara ke peringkat suku akhir pada tahun 1991, 1995 dan 1997 tetapi tewas di pusingan pertama pada 1992, 1994 dan 1996.

Pemangku presiden Persatuan Skuasy Raket Malaysia (SRAM) Datuk Mokhzani Mahathir semasa mengumumkan nama para penaja hari ini berkata, selepas sibuk dengan persiapan Sukan Komanwel 1998 dan berlakunya krisis ekonomi global, persatuan itu kini berupaya untuk menganjurkan semula kejohanan itu.

"Kita perlu berterima kasih kepada penaja Mulpha International Sdn Bhd yang telah menyokong selama ini untuk menganjurkan kejohanan besar seperti Terbuka Lelaki dan Kejohanan Asia baru-baru ini," katanya kepada para pemberita.

SRAM mulanya merancang untuk mengadakan kejohanan Wanita Terbuka itu mulai 29 Nov hingga 2 Dis tahun lepas, tetapi ekoran masalah kewangan, hanya kejohanan Lelaki Terbuka yang dapat diadakan.

Dengan ketiadaan Nicol, cabaran Malaysia pada kejohanan itu akan diketuai pemain nombor dua kebangsaan Sharon Wee, yang menduduki ranking ke-27 dunia dan pemain ranking ke-47 dunia, Tricia Chuah.

Sharon, Tricia dan dua lagi pemain Lim Yoke Wah dan Delia Arnold akan bermain pada pusingan kelayakan pada Isnin dan Selasa.

Sharon akan bertemu Gloria Williams dari Nigeria di pusingan pertama perlawanan kelayakan itu, Tricia pula menentang Christina Mak dari Hong Kong, Yoke Wah menentang Eman El Amir dari Mesir sementara Delia menghadapi lawan kuat juga dari Mesir, iaitu Maha Zein.

-- BERNAMA

HRS RZS HM